

UniSZA bina dua asrama baru

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan membina dua asrama yang mempunyai kapasiti menampung 6,000 pelajar.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Pembangunan UniSZA Prof Mohd Ekhwan Toriman berkata, memandangkan jumlah pelajar semakin meningkat, pihaknya terpaksa membina penempatan baru untuk memberi kemudahan kepada mereka.

"Jumlah keseluruhan pelajar UniSZA sekarang adalah seramai 10,000 dan dijangka bertambah, sebab itu pembinaan dua asrama di UniSZA Gong Badak dan Kampus UniSZA Tembila, Besut akan membantu menampung keperluan itu."

"Setiap asrama mampu menampung seramai 3,000 pelajar dan akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk kedai dan taman rekreasi," katanya selepas



PROF Mohd Ekhwan

majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2015 dan 2016.

Mohd Ekhwan berkata, dua asrama itu sudah dimulakan proses pembinaannya dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

"Asrama yang dibina itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan ia ditakrifkan sebagai penginapan bertaraf empat bintang," katanya.

HARIAN METRO 8/10/2015